

my

Edisi 1/2022 | Jan-Jun | Perpustakaan Laman Hikmah

# HIKMAH



**AKTIVITI PROGRAM BULAN  
MEMBACA 2022**

**PROGRAM SEMBANG  
AUTEM@MEMORI KORPORAT**

**'PLH TALK' : TULIS DAN  
TERBIT SENDIRI EBOOK  
SEMUDAH A,B,C**

**TEMUBUAL BERSAMA  
MANTAN NC**

**LAWATAN PENANDA  
ARAS - PLH KE PTAR**

**PORTAL PLH UNGGULI  
LAMAM WEB TERBAIK  
TAHUN 2021**

**PLH KINI KEMBALI:  
PENGOPERASIAN  
24 JAM**

*Galeri Memori Korporat*



# SIDANG REDAKSI

## PENASIHAT

Azman bin Hj. Ayup

## KETUA EDITOR

Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

## EDITOR

Hasliza binti Mohamed

## PEMBACA PRUF

Noraini binti Mohd Noor

## PENGARANG

Siti Saluwa binti Jamal

Rasida binti Abu Bakar

Hasliza binti Mohamed

Zaidi bin Saad

Nurul Akmar binti Mehat

Mez Zelina binti Yusof

Mohd Siddiq Azizi bin Jais

Noraini binti Mohd Noor

Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

Siti Syahirah binti Ab. Rahim

## PEREKABENTUK GRAFIK/ FOTO

Mohd Siddiq Azizi bin Jais

Mohamad Azhari bin Johari

## PENYELARAS LIPUTAN

Muhammad Hafeez bin Zainuddin

Ahmad bin Abu Bakar

Kamariah binti Kamis

Ahmad Tarmizi bin Abdul Hadi

Norfazlin binti Tambi Chek

Perpustakaan Laman Hikmah,  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,  
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Phone: +6062701200

Email: [lamanhikmah@utem.edu.my](mailto:lamanhikmah@utem.edu.my)

Buletin MyHikmah akan diterbitkan dua kali setahun

Copyright © 2022 PLH | Perpustakaan Laman  
Hikmah.

All Right Reserved

# KANDUNGAN

• Sekapur Sireh	03
• Persiapan Mini Galeri Memori Korporat	04
• Pameran Artifak @ PLH – Rak Penyimpanan Rekod Pinjaman Bahan Pengguna	06
• Pameran Artifak @ PLH – Koleksi Diari UTeM	07
• Aktiviti Program Bulan Membaca 2022 Perpustakaan Laman Hikmah	08
• 'PLH TALK' : Tulis dan Terbit Sendiri Ebook Semudah A,B,C	10
• Program Sembang Autem @ Memori Korporat	11
• Kursus 'Retreat' Pengkatalogan RDA	12
• Bengkel Penulisan Pantun: Biblioterapi	13
• Bengkel Pembangunan Data Entri bagi IR UTeM & Koleksi Digital UTeM	14
• Latihan Turnitin	15
• Taklimat 'Refreshment' Prosedur Kerja Bahagian Pembangunan Sumber & Metadata	16
• Temubual Bersama Mantan NC	17
• Lawatan Penanda Aras - PLH ke PTAR	18
• Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2022	20
• Portal PLH Ungguli Laman Web Terbaik Tahun 2021	21
• Kini Kembali: Pengoperasian 24 Jam Perpustakaan Laman Hikmah	22
• Audit Dalam MS ISO 9001:2015 UTeM bagi Tahun 2022 di PLH	23
• Taklimat Pencegahan Kebakaran Bangunan	24
• Taklimat Asas Pertolongan Cemas	25
• 'Health Walk' Erat Ukhuwah Dua Kelab	26
• Pelajar Latihan Industri	28
• Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Staf Perpustakaan (LISTAC) kali ke-14	29
• Semarak Sadaqah	30
• Konvoi Persisir Pantai	31
• Bantuan Kutipan Infak kepada Staf PLH	33
• Facilities @ PLH	35

# Sekapur Sirih



Assalamualaikum dan Salam Muhibbah

Setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kepada Tuhan Pencipta kerana dengan izinNya, maka Buletin MyHikmah ini dapat disiapkan dengan jayanya bagi edisi 1/2022.

Sebagai hebahan semua edisi kali ini menjenamakan semula tajuk buletin Perpustakaan Laman Hikmah yang digunakan sejak tahun 2009 kepada Buletin MyHikmah.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi yang telah menggembeng tenaga, usaha dan fikiran untuk menerbitkan buletin pada edisi ini. Seperti sedia maklum, buletin ini diterbitkan adalah untuk berkongsi maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang sesi Januari hingga Jun 2022 serta merupakan medium komunikasi informasi bagi PLH kepada pengguna.

Melalui buletin ini, staf PLH juga digalakkan untuk terus berkongsi dan menyumbang berita, buah fikiran, hasil kajian, analisis, rumusan dan hujahan kepada warga kampus. Melalui perkongsingan ini, diharapkan juga suatu rangkaian (*networking*) dan persepakatan (*coalition*) dengan pengguna PLH dapat dikembangkan untuk mencapai objektif bagi kepentingan bersama.

Harapan saya, dengan adanya penerbitan Buletin MyHikmah ini, dapat terus menjadi platform untuk menyalurkan maklumat yang boleh dikongsi bersama warga UTeM. Diharapkan penerbitan Buletin MyHikmah ini mendapat sokongan pada masa yang akan datang.

Akhir kalam, saya menyeru agar kita semua dapat berganding bahu dan bekerjasama terhadap apa jua perancangan yang dijalankan oleh PLH dalam menjadi pusat ilmu bertaraf global.

Azman bin Hj. Ayup  
KETUA PUSTAKAWAN

# PERSIAPAN MINI GALERI MEMORI KORPORAT

Oleh : Nurul Akmar binti Mehat



## Tujuan

Penubuhan Mini Galeri Memori Korporat merupakan salah satu inisiatif Seksyen Memori Korporat dan Galeri dalam memelihara dan mempamerkan koleksi-koleksi artifak UTeM. Artifak-artifak ini dikumpul hasil daripada sumbangan dan kerjasama pusat tanggungjawab, fakulti, staf, pelajar dan alumni UTeM.

Inisiatif Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) menubuhkan galeri ini adalah bagi memberi pendedahan kepada semua warga kampus dalam menyingkap kembali sejarah penubuhan UTeM yang telah berusia lebih 20 tahun. Selain itu, dalam mengenang kembali jasa dan pengorbanan yang dicurahkan oleh

pelbagai individu yang bertungkus lumus bersama-sama menyumbang idea dan keringat dalam penubuhan dan pembangunan UTeM bermula daripada sebuah kolej universiti pada tahun 2001 hingga ke universiti.

Penubuhan mini galeri ini adalah merupakan batu loncatan kepada penubuhan satu galeri yang berkeluasan dan berkapasiti besar sekaligus ke arah penubuhan sebuah muzium suatu masa nanti. Inisiatif Mini Galeri Memori Korporat ini juga bertujuan menjadi satu pusat rujukan dan penyimpanan bahan-bahan sejarah UTeM yang akan jadi satu pusat sehenti yang memelihara semua maklumat kecemerlangan dan kegemilangan UTeM.



Dengan tertubuhnya Mini Galeri Memori Korporat ini, sejarah UTeM dapat disebar luas kerana penubuhan Mini Galeri Memori Korporat ini bukan sahaja dipamerkan secara fizikal, malah boleh juga diakses secara maya melalui portal serta pautan di platform media sosial PLH. Sokongan berterusan dari semua pihak adalah faktor utama kejayaan dalam penubuhan galeri ini terutamanya warga kampus.

### Usaha & Langkah

- Bekerjasama dengan semua pusat tanggungjawab, staf, pelajar dan alumni UTeM dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan.
- Menjejak kembali staf yang telah bersara dan tamat perkhidmatan serta alumni UTeM bagi mendapatkan maklumat dan artifak-artifak yang bernilai sejarah.
- Menjalankan temubual staf yang masih berkhidmat dan telah bersara serta alumni UTeM sebagai sejarah lisan.
- Mengenalpasti dan menjejak artifak-artifak yang memberi simbolisme kepada UTeM di pusat-pusat tanggungjawab dan fakulti.
- Menerbitkan penulisan sejarah-sejarah berkaitan dengan UTeM.
- Menjalankan program-program yang dapat memantap dan menanam semangat cintakan UTeM melalui penganjuran kerjasama program bersama pusat tanggungjawab dan AUTeM.



Sesi temubual staf dan Alumni UTeM



Lawatan ke stor Pejabat Pembangunan



Pengumpulan bahan daripada staf yang akan berpencen



Pencarian bahan mengikut tema



Penyusunan bahan mengikut kategori dan peristiwa

# PAMERAN ARTIFAK @ PLH: RAK PENYIMPANAN REKOD PINJAMAN BAHAN PENGGUNA

Oleh : Nurul Akmar binti Mehat

Pameran Artifak @ PLH adalah pameran bahan secara bertema yang merupakan salah satu petunjuk prestasi utama yang telah dimasukkan sebagai salah satu aktiviti yang akan dijalankan sepanjang 2022. Pameran ini akan dijalankan sebanyak 6 tema sepanjang tahun di mana setiap satu pameran akan dipamerkan selama dua bulan. Pameran ini dilakukan secara hybrid di mana ianya dipamerkan di Aras 3, PLH dan dapat diakses secara maya melalui portal dan platform media sosial PLH.

Pameran pembukaan tahun 2022 adalah bermula dengan Pameran Artifak @ PLH: Rak Penyimpanan Rekod Pinjaman Bahan Pengguna. Rak ini digunakan pada awal penubuhan dan pengoperasian PLH di mana setiap 'drawer' kabinet ini akan diasingkan mengikut kategori pengguna. Setiap kad pinjaman bahan adalah mengikut warna yang berbeza bagi mewakili kategori pengguna. Semua kad ini akan disimpan dan diasingkan bagi memudahkan pencarian rekod pinjaman bahan.



# PAMERAN ARTIFAK @ PLH: KOLEKSI DIARI UTeM

Oleh : Nurul Akmar binti Mehat



Pameran seterusnya yang bermula Mac-April 2022 adalah dengan Pameran Artifak @ PLH: Koleksi Diari UTeM. Koleksi ini diperolehi hasil daripada sumbangan staf yang telah bersara dan juga yang masih berkhidmat.

Pada peringkat awal, diari UTeM hanya diberikan kepada Pengurusan dan Profesional. Namun setelah beberapa tahun selepas itu, setiap staf UTeM akan diberikan sebuah diari setiap seorang. Konsep dan tema setiap diari adalah berbeza setiap tahun.

# JOM baca bersama



## AKTIVITI PROGRAM BULAN MEMBACA 2022 PERPUSTAKAAN LAMAM HIKMAH

Oleh : Mez Zelina binti Yusof

Program Bulan Membaca 2022 merupakan aktiviti tahunan yang dijalankan bagi menyokong Dekad Membaca Kebangsaan yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membaca dalam tempoh 10 tahun bermula 2021 hingga 2030. Penganjuran program ini diterajui oleh Seksyen Rujukan adalah antara inisiatif Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dalam usaha membentuk masyarakat yang berpengetahuan, berilmu dan bermaklumat di kalangan warga universiti. Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan adalah seperti berikut:

Aktiviti	Tarikh	Aktiviti	Tarikh
Pertandingan Info Hunt	19 April 2022	PLH TikTok Challenge	21 April 2022
Pameran oleh Jabatan Perangkaan Malaysia	19 April 2022	Ceramah agama	22 April 2022
Jom Baca Bersama 10 Minit	21 April 2022	World #QuranHour	26 April 2022
Kuiz Bulan Membaca	21 April 2022	Sesi Bedah Buku Bersama Penulis	28 April 2022



# INFO HUNT



# JOM BACA 10 MINIT



# KUIZ BULAN MEMBACA



# 'PLH TALK': TULIS DAN TERBIT SENDIRI EBOOK SEMUDAH A,B,C

Oleh : Mez Zelina binti Yusof



Program 'PLH Talk' dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada pengguna berkaitan isu-isu semasa dan berkongsi maklumat dengan warga universiti selaras dengan fungsi dan peranan perpustakaan sebagai sebuah gedung ilmu yang dinamik. Sesi pertama bagi program ini telah diadakan pada 25 Mei 2022 melalui platform 'Webex', 'Facebook Live PLH' dan hadir secara fizikal Bilik Tayangan, Aras 3, PLH kampus Induk.

Melalui program ini, peserta didedahkan dengan cara menulis dengan mudah dan konsisten, peta minda, tip menyiapkan ebook, panduan membuat proses 'swaterbit' ebook dan tip kepada bakal penulis ebook. Maklumat ini disampaikan oleh Dr. Noraniza Md. Jani yang merupakan penulis, penasihat ebook dan penyelidik bebas.

## PLH TALK



### "TULIS & TERBIT SENDIRI E-BOOK SEMUDAH A, B, C"



**DR. NORANIZA MD JANI**  
Penulis, Penasihat E-Book,  
Penyelidik Bebas

25 Mei 2022 | Rabu  
10.30 pagi - 11.30 pagi  
Bilik Tayangan PLH, Aras 2



Imbas Kod QR untuk Pendaftaran

<https://bit.ly/3I2k8BE>



# PROGRAM SEMBANG AUTeM @MEMORI KORPORAT

Oleh : Nurul Akmar binti Mehat

Program Sembang AUTeM @Memori Korporat ini telah dijalankan pada 9 Jun 2022 di Ruang Santai, Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk, UTeM. Program ini merupakan satu program anjuran bersama Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dan Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM). Program ini dirancang untuk diadakan sebanyak dua siri iaitu pada Jun 2022 dan pada 1 Disember 2022 bersempena dengan Hari Alumni UTeM.

Program Sembang AUTeM @ Memori Korporat ini adalah bertujuan untuk mengumpul alumni-alumni UTeM bagi berkongsi pengalaman dan maklumat berkaitan sejarah awal penubuhan universiti melalui sejarah lisan. Program ini akan disertai oleh alumni yang terdiri daripada pelajar-pelajar pengambilan pertama UTeM pada tahun 2001. Program ini juga bertujuan untuk menelusuri sejarah UTeM dari pandangan dan sudut yang dilalui oleh kesemua alumni yang akan dijemput sebagai ahli panel.

Program ini merupakan satu inisiatif bagi menyokong 'Goal 6' dalam 'UTeM's

Seven Strategic Goals' (SSG) 2021-2025 iaitu 'Smart & Dynamic Campus' bagi pemantapan fungsi Perpustakaan Laman Hikmah dalam mengumpul, memelihara dan menyebarkan semua maklumat serta informasi yang bernilai sejarah dan 'simbolisme' kepada UTeM sekaligus menghargai sumbangan bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh pelbagai pihak sejak penubuhan UTeM pada 1 Disember 2000. Ini penting bagi merealisasikan sejarah pembangunan universiti agar dapat disebarkan dengan teratur dan sistematik. Secara tidak langsung, program ini juga menyokong 'Goal 2 UTeM's Seven Strategic Goals' (SSG) iaitu 'Graduates of Choice' bagi PPAKG, PJIM dengan mengadakan lebih banyak program yang melibatkan alumni UTeM. Ia sejajar dengan usaha berterusan mengembalikan aura alumni UTeM kembali ke kampus.

Jalinan kerjasama dalam menjayakan program ini antara PLH, PJIM dan AUTeM juga akan menyemarakkan lagi kerjasama dan jalinan ukhuwah terutama sekali dalam meningkatkan keternampakan UTeM pada masyarakat luar.



# KURSUS 'RETREAT' PENGKATALOGAN RDA

Oleh : Siti Saluwa binti Jamal



Perpustakaan Laman Hikmah telah mengaplikasikan format 'Resource Description Access' (RDA) dalam pengkatalogan koleksi perpustakaan semenjak tahun 2017. Bermula dengan membangunkan Garis Panduan Pengkatalogan RDA, dan seterusnya diikuti dengan beberapa sesi latihan dari semasa ke semasa di sepanjang pelaksanaannya bagi memastikan setiap staf yang terlibat faham dan mahir menggunakan RDA dalam kerja pengkatalogan dan prosesan bahan.

Bagi memastikan kompetensi dan kemahiran staf berada di tahap yang terbaik, kursus secara dalaman telah dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber & Metadata (BPSM) pada 18 Januari 2022 bertempat di Bilik Latihan, Aras 1 PLH dari 9.00 pagi sehingga 5.00 petang. Kursus ini merupakan aktiviti tahunan yang diadakan pada setiap awal tahun yang berfungsi sebagai platform perbincangan, rujukan dan meningkatkan pengetahuan mengenai ilmu pengkatalogan RDA di kalangan staf BPSM.

Kursus ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Razif Dzulkpli sebagai fasilitator dan selaku 'Catalog Manager' di PLH. Objektif kursus ini antara lain adalah bagi memastikan semua pengkatalog sentiasa peka dengan perkembangan terkini sekiranya berlaku sebarang perubahan bagi merekod 'tag' RDA,

menangani isu-isu pengkatalogan dan sebagainya. Ia juga merupakan satu sesi wajib bagi staf yang baru menyertai BPSM untuk mengetahui secara menyeluruh mengenai pengkatalogan RDA.

Kursus ini disertai oleh 12 orang staf yang terdiri dari Ketua Bahagian, Pustakawan Kanan, Penolong Pustakawan dan semua Pembantu Pustakawan di BPSM. Kursus sehari ini melibatkan latihan mengkatalog secara 'hands-on', sesi 'Q&A', dan perkongsian pandangan mengenai isu terkini yang melibatkan pelbagai format bahan. Semua peserta telah terlibat secara aktif dan memberikan kerjasama yang baik sepanjang kursus berlangsung.

Di harapkan agar kursus ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang bagi memastikan kesinambungan penghasilan rekod katalog RDA yang berkualiti dan memenuhi standard dan spesifikasi antarabangsa.



# BENGGKEL PENULISAN PANTUN: BIBLIOTERAPI

Oleh : Rasida binti Abu Bakar



Pada 30 Mac 2022 telah diadakan Bengkel Penulisan Pantun: Biblioterapi anjuran Bahagian Penyelidikan dan Maklumat di Bilik Latihan, PLH. Bengkel ini memberi pendedahan ilmu berkaitan biblioterapi dan mengasah semula kemahiran menghasilkan pantun yang baik serta estetika oleh staf PLH. Impak bengkel ini, membantu biblioterapi di Malaysia berkembang dan meningkatkan kesedaran kepentingan biblioterapi khususnya staf PLH dan rakyat Malaysia amnya.

Sejajar dengan agenda negara dalam memartabatkan warisan Melayu, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) mengambil inisiatif membugar puisi seperti pantun sebagai khazanah yang perlu dipelihara. Istilah biblioterapi masih asing dibicarakan dalam persekitaran PLH dan universiti berbanding masyarakat di luar negara. Hakikatnya, istilah ini sangat sinonim dengan perpustakaan sebagai peneraju dalam memperoleh dan menguruskan bahan rujukan utama seperti buku kepada warga universiti.



Selain itu, membuka peluang menjalin kerjasama dengan agensi lain iaitu Persatuan Biblioterapi Malaysia (PERBIMA). Peserta bengkel ini adalah seramai 28 orang yang terdiri daripada staf PLH dan seorang pelajar latihan industri UiTM. Taklimat Pengenalan Biblioterapi telah disampaikan oleh Cik Rasida Abu Bakar. Manakala Taklimat Penyediaan Pantun pula disampaikan oleh Puan Nurul Akmar Mehat.

# BENGGKEL PEMBANGUNAN DATA ENTRI BAGI IR UT<sub>e</sub>M & KOLEKSI DIGITAL UT<sub>e</sub>M

Oleh : Hasliza binti Mohamed



24 November 2009, merupakan tarikh Perpustakaan Laman Hikmah telah diiktiraf sebagai Pusat Repositori Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan bahan dimuatnaik bermula hujung November 2011. Peringkat awal penubuhan banyak tertumpu kepada jenis bahan, metadata, dasar, pendeposit dan editor yang mana ianya berfokus daripada kuantiti untuk tujuan pengumpulan bahan. Ketiadaan manual khas dibangunkan sebagai rujukan untuk memasukkan data kepada pendeposit menjadikan

terdapat pelbagai format data dimasukkan seperti huruf besar, nama pendek, tiada data dan pelbagai lagi. Selain itu berdepan dengan kepelbagaian bahan, format penulisan daripada penerbit menyebabkan pendeposit sukar membuat penentuan dalam kemasukan data entri. Segala isu yang timbul direkodkan dan dijadikan panduan untuk rujukan berulang sekiranya terdapat masalah yang timbul bagi pendeposit lain atau baru. Selaras dengan sedekad pembangunan IR UT<sub>e</sub>M, pada 24 Mac

2022, bengkel ini telah dilaksanakan oleh lima orang staf Bahagian Pengurusan Rekod & Arkib Universiti yang mempunyai pengalaman dalam menggunakan 'IR UT<sub>e</sub>M' & koleksi digital UT<sub>e</sub>M. Bengkel ini juga merupakan langkah awal untuk membangunkan manual standard data entri rasmi yang dibukukan bagi rujukan akan datang seperti manual katalog bahan. Manual ini dibangunkan secara asas, seterusnya akan ditambahbaik oleh Pustakawan dari masa ke semasa.



# "REFRESH KNOWLEDGE AND MASTER THE SKILL"

TURNITIN TRAINING FOR UTeM LECTURERS

*Research Support Week @ P+H*



24 MAY 2022 | TUESDAY  
2.30PM - 4.30PM

<https://bit.ly/tii-utem-may>

REGISTER NOW →



**MAZLAN ABD LATIF**  
TRAINING & DEVELOPMENT  
CONSULTANT

Organized by:



Perpustakaan Laman Hikmah

Contact Us

**RASIDA ABU BAKAR**

VoIP No : 06-2701190

## LATIHAN TURNITIN

Memberi pendedahan mengenai kemahiran dalam penilaian tentang kesamaan dan keaslian penulisan pelajar. Ia berupaya mengesan dan mengenalpasti sumber-sumber maklumat yang dipetik oleh pelajar dalam penulisan mereka dengan membandingkan dengan yang ada dalam pangkalan data Turnitin. Turnitin akan memberi maklumbalas peratusan keaslian penulisan pelajar serta memaparkan sumber-sumber yang dipetik oleh pelajar.

**Tarikh:** 24 Mei 2022

**Hari:** Selasa

**Lokasi:** Zoom Meeting

**Objektif:** Memacu  
Kecemerlangan UTeM

# TAKLIMAT 'REFRESHMENT' PROSEDUR KERJA BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & METADATA

Oleh : Noraini Binti Mohd Noor

Pada 1 Jun 2022 (Rabu), Taklimat 'Refreshment' Prosedur Kerja Bahagian Pembangunan Sumber & Metadata (BPSM) telah diadakan pada jam 2.30 sehingga 4.30 petang bertempat di Bilik Perbincangan BPSM. Taklimat tersebut dihadiri oleh staf Seksyen Monograf, Seksyen Sumber Elektronik dan Seksyen Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran.

Taklimat telah disampaikan oleh Pembantu Pustakawan Kanan iaitu Encik Muhammed Rashid bin Mat Derus. Sesi ini bertujuan meningkatkan pemahaman staf terhadap prosedur kerja di bahagian & seksyen sekaligus meningkatkan produktiviti kerja.







Tarikh: 12 Mei 2022

Lokasi: Studio FTMK

Hari: Khamis

Objektif: Memacu kecemerlangan UTeM

## Temubual Bersama Mantan NC

Oleh : Nurul Akmar binti Mehat

Program Sejarah Lisan merupakan satu program yang dirancang oleh Seksyen Memori Korporat & Galeri, Bahagian Pengurusan Rekod & Arkib Universiti sebagai satu aktiviti setiap tahun dalam usaha merealisasikan pengumpulan bahan-bahan sejarah UTeM. Ini adalah kerana dalam mendapatkan maklumat-maklumat penting dan bersejarah, temubual merupakan satu kaedah dalam pengumpulan bahan-bahan bernilai simbolisme kepada UTeM.

Program Sejarah Lisan ini dijalankan bukan sahaja kepada mantan Naib Canselor, malah program temubual ini diperluaskan kepada semua staf UTeM sama ada yang masih

berkhidmat mahupun yang telah bersara. Selain itu program temubual ini juga dijalankan bersama Alumni UTeM di mana proses menjejaki mantan-mantan staf dan pelajar UTeM telah bermula pada tahun 2020.

Pada 12 Mei 2022, satu program temubual telah dijalankan bersama mantan Naib Canselor yang Ke-3 iaitu, Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin di Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK). Sesi temubual telah berlangsung selama 3 jam bermula jam 10 pagi hingga 1 petang. Masa temubual yang panjang ini menunjukkan betapa berharga dan pelbagai cerita susur galur UTeM

yang telah dikongsi oleh mantan Naib Canselor.

Pelbagai cerita suka duka, cabaran dan perit jerih kepayahan para penyelidik, staf serta pelajar di awal penubuhan UTeM menempuh serta menjalani proses pembangunan bermula dari KUTKM sehingga UTeM. Usia UTeM yang menginjak ke dua dekad telah menunjukkan kematangan dan kejayaan serta kecemerlangan yang dicapai atas usaha semua staf dan pelajar yang bertungkus lumus meletakkan nama UTeM sebaris dengan institusi pendidikan lain di mata dunia.

# LAWATAN PENANDA ARAS - PLH KE PTAR

Oleh : Encik Zaidi bin Saad



Pada 30 Mac 2022, Seramai 8 orang staf Bahagian Perkhidmatan Pengguna (BPP) Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) diketuai oleh Encik Arman bin Mohammad, Timbalan Ketua Perpustakaan telah mengadakan satu lawatan penanda aras ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin.

Perancangan awal lawatan adalah ke PTAR, UiTM Lendu, Alor Gajah pada 3 Mac 2022 terpaksa diubah berikutan situasi jangkitan Covid 19 serta terdapat beberapa masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan.

Matlamat utama lawatan penanda aras ini untuk melihat amalan terbaik perpustakaan awam universiti lain bagi memantapkan perkhidmatan dan kemudahan PLH. Selain mengeratkan silaturahim antara perpustakaan, lawatan ini juga dapat

dijadikan platform perkongsian idea tentang pengurusan perkhidmatan, kemudahan, rujukan perpustakaan serta isu dan cabaran yang dihadapi.

Delegasi lawatan BPP tiba di PTAR Kampus Jasin pada jam 9.15 pagi.

Ketibaan delegasi diberikan sambutan mesra oleh staf PTAR. Difahami staf PTAR Cawangan Lendu dan Bandaraya turut serta dalam menerima kunjungan PLH. Selepas bersarapan pagi, delegasi dijemput ke ruang seminar bagi sesi penerangan oleh staf PTAR Cawangan Jasin.

Sesi penerangan dan perkongsian maklumat dimulai dengan bacaan sajak oleh Encik Noor Izam Samin. Seterusnya diikuti oleh penerangan tentang sejarah dan pencapaian PTAR Kampus Jasin oleh Encik Ahmad Nazri Jaafar, Pustakawan Kanan yang juga Ketua Unit

Perkhidmatan Perpustakaan. Diterangkan juga bagaimana kemudahan pinjaman secara berkelompok (Bulk Loan) ditawarkan kepada organisasi yang berminat.

Sesi seterusnya, Penerangan berkenaan Perkhidmatan Kaunter Sirkulasi oleh Puan Maznah Marof, Pustakawan Kanan, Ketua Unit Perkhidmatan Pelanggan daripada UiTM Kampus Lendu. Penerangan tentang skop dan cabaran yang dihadapi serta beberapa perkhidmatan yang bersesuaian dengan situasi semasa ketika Pandemik dan pasca pandemik. Antara perkhidmatan yang dilihat unik ialah yuran pendaftaran bagi keahlian luar yang diturunkan kepada RM10.00 setahun sahaja yang mana ianya melayakkan ahli berdaftar merujuk dan meminjam bahan. Turut dikongsikan bagaimana

PTAR juga turut terkesan dengan kemerosotan pinjaman bahan dan kehadiran pengunjung secara fizikal ke perpustakaan. Sesi ketiga ialah bersama Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Ketua Unit Arkib. Dalam sesi ini dikongsikan bagaimana PTAR berusaha untuk mengumpulkan dokumen dan bahan penyelidikan bagi menjadikan PTAR sebagai hub rujukan bagi UiTM. Turut ditunjukkan cara-cara membaikpulih bahan rosak oleh Encik Jonizam Abu Kasim, Pembantu Pemuliharaan Kanan, Unit Jilid. Dalam sesi terakhir, delegasi bertukar pandangan dan idea tentang bagaimana senario semasa dan

inisiatif serta pengemblengan tenaga yang dapat dilakukan secara usahasama antara PLH dan PTAR. Antara cadangannya ialah memperkasakan Pinjaman Antara Perpustakaan Akademik di negeri Melaka melalui wadah separa formal seperti pembentukan kumpulan Whatsapp serta jalinan kerjasama yang melibatkan penganjuran seminar dan bengkel. selepas selesai jamuan makan tengahari, Delegasi BPP Perpustakaan Laman Hikmah bertolak pulang dan tiba di PLH induk pada jam 2.30 petang. Lawatan penanda aras Bahagian Perkhidmatan Pengguna (BPP)

Perpustakaan Laman Hikmah ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin telah memberikan satu pendedahan yang bermanfaat kepada delegasi yang terlibat. Penguken hubungan antara Perpustakaan Akademik di Negeri Melaka perlu dilihat sebagai satu tonggak bagi mempersiapkan diri bagi menghadapi situasi pasca covid 19. Ianya juga telah mencapai objektif utama melihat amalan terbaik perpustakaan, yang mana lawatan kali ini memfokuskan pada pemuliharaan bahan dan perkhidmatan baru.





# PTPM<sup>2022</sup>

PERSIDANGAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA

## PERSIDANGAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA (PTPM) 2022

Oleh : Nurul Akmar binti Mehat

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2022 yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Haji Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Tema yang diangkat pada PTPM 2022 adalah 'Tiada sesiapa yang tertinggal: Perpustakaan sebagai agen perubahan.' Hal ini kerana perpustakaan sememangnya sebagai sebuah pusat setempat bagi proses pengajaran, pembelajaran, perkongsian, pengalaman dan perkongsian ilmu.

Seramai 35 orang pembentang yang membentangkan penulisan mereka dalam empat (4) sesi dan seramai 14 orang ahli panel mengadakan

perbincangan mengenai bidang kepustakawanan dalam dua (2) sesi.

Perpustakaan Laman Hikmah terlibat di dalam pembentangan hari kedua (sesi kedua), 26 Mei 2022 bersama 11 lagi kertas dibentangkan. Melalui sub tema Perpustakaan Sebagai Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Produk dan perkhidmatan) bermula dari 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari secara maya.

Dalam pembentangan oleh Puan Nurul Akmar Mehat dari Perpustakaan Laman Hikmah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka bertajuk Memori Korporat Perpustakaan Laman Hikmah Menjejak Symbolisme dan Khazanah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkongsi pengalaman berkenaan pembangunan galeri digital.

Galeri ini mengumpul, memelihara



dan menyebarkan luas semua maklumat bernilai sejarah dan simbolisme UTeM dalam satu pusat sehati yang boleh diakses secara terbuka pada bila-bila masa. Galeri ini juga dijadikan sebagai pusat rujukan kepada semua warga UTeM khususnya dan masyarakat sekeliling amnya dalam memahami, merujuk dan mendapatkan maklumat tentang susur galur kecemerlangan dan kegemilangan UTeM.



# Portal PLH Ungguli Laman Web Terbaik 2021

Oleh : Noraini Binti Mohd Noor



Seiring dengan era digital, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) senantiasa peka dalam menambah baik portal secara berterusan dan mesra pengguna bagi memastikan paparan portal yang lebih interaktif, grafik yang menarik, diterokai ramai dan mewujudkan pautan pantas kepada pengguna. Portal kini diakui sebagai salah satu nadi utama dalam penyampaian maklumat yang berkesan dan mudah diakses menerusi pelbagai peranti mudah alih secara meluas.

Mesyuarat Jawatankuasa Laman Web Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Bil. 1/ 2022 telah diadakan di Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) bersama semua penyelaras laman web PTj pada 13 Mei 2022 (Selasa). Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Ts. Dr. Abdul

Syukor bin Mohamad Jaya, Timbalan Ketua Pegawai Maklumat bagi melaporkan keputusan pertandingan dan penarafan bintang laman web PTj 2021.

Sekali lagi, laman sesawang Perpustakaan Laman Hikmah diiktiraf sebagai laman web PTj UTeM yang memperoleh 5 bintang bagi tahun 2021 dan dinobatkan tempat pertama daripada 40 penyertaan. Perpustakaan Laman Hikmah menduduki tempat pertama, diikuti oleh Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (tempat ke-2) dan Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES) (tempat ke-3). Perpustakaan Laman Hikmah mengekalkan kedudukan pertama bagi 3 tahun berturut-turut.

Penyelaras laman web PLH tahun 2021, Puan Noraini Mohd Noor

bersyukur dan berterima kasih di atas kepercayaan yang diberikan selama 2 tahun perlantikan. Lanya sedikit sebanyak memberi pengalaman berharga yang tidak mungkin dilupakan. Kejayaan ini juga merupakan sokongan dan komitmen semua staf PLH dalam memastikan penyediaan sumber digital yang mantap dan berkesan dapat disediakan kepada pengguna portal PLH. Diharapkan kejayaan ini dapat diteruskan dan dikekalkan oleh penyelaras laman web yang baharu 2022.

Sekali lagi, setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua penyelaras laman web PTj yang lain dalam usaha dan komitmen berterusan mencari, mengumpul, menyusun, berkongsi kandungan terbaik dan terkini kepada pengguna sebagai wadah penyampaian maklumat utama di UTeM.

# KINI KEMBALI: PENGOPERASIAN 24 JAM PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Oleh : Zaidi bin Saad



Pengoperasian 24 Jam PLH kini dilaksanakan kembali pada 13 Jun 2022 di Aras 2 PLH Kampus Induk sebagai pengembangan peranan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) secara lebih strategik dan berdaya tahan, sekaligus mengekalkannya sebagai sebuah pusat rujukan yang dinamik, komprehensif dan inklusif.

Pembukaan kembali ini juga sebagai tanda sokongan dan inisiatif prihatin untuk perkhidmatan ruang kepada pengguna bersempena minggu peperiksaan di UTeM bermula 18 Jun sehingga 5 Julai 2022.

Pengoperasian 24 Jam PLH telah dirasmikan pada Jumaat, 17 Mei 2019 / 12 Ramadan 1440H.

Tujuan asal pelaksanaan pengoperasian ruang 24 jam adalah memberi peluang dan manfaat kepada pengguna dalam memaksimumkan penggunaan kemudahan ruang yang ada di PLH serta sebagai 'prime hangout spot' secara santai tanpa had waktu oleh pengguna di dalam kampus.



Sebagai langkah keselamatan tambahan, pelaksanaan di Aras 2 dilengkapi dengan pemasangan CCTV sebanyak 10 unit dan rondaan melibatkan anggota polis bantuan UTeM setiap 2 jam serta pemasangan 'check point surveillance' melibatkan lokasi tertentu.

Untuk rekod, pengoperasian 24 jam di PLH telah dihentikan seketika sewaktu pandemik COVID-19 pada tahun 2020 hingga 2021 berikutan Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengembalian pengoperasian PLH secara 24 jam ini, pengguna dapat menggunakan perkhidmatan dan kemudahan secara lebih optimum.

# AUDIT DALAM MS ISO 9001:2015 UTeM BAGI TAHUN 2022 DI PLH

Oleh : Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali

Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah diadakan pada 25 Ogos hingga 1 September 2021 yang diketuai oleh Ketua Juruaudit Puan Nurdayana Izyan Binti Ahmad Ahsan, Ts. Dr. Ruziah Binti Ali, Dr. Muliati Binti Sedek dan Encik Vigneswara Rao A/L Gannapathy telah hadir menjalankan pengauditan keseluruhan berdasarkan kepada skop pensijilan.

Audit ini bertujuan untuk memastikan kecukupan, pematuhan dan pemantauan mengikut keperluan sistem pengurusan kualiti dan Standard MS ISO 9001: 2015 UTeM. Hasil daripada audit dalaman juga memberi peluang kepada tindakan pembetulan, pencegahan dan penambahbaikan dilaksanakan secara sistematik dan berterusan.

Proses audit dalam ini diadakan secara fizikal dan juga secara 'hybrid' yang merangkumi PLH Kampus UTeM iaitu Kampus Induk dan Kampus Teknologi yang mana telah dilihat keseluruhan proses berdasarkan keperluan dan kehendak skop pensijilan yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhannya, pihak PLH telah memberikan komitmen terbaik dan membantu pihak juruaudit dalam memudahcara sepanjang proses ini berlangsung. Keputusan audit mendapati kefahaman serta pelaksanaan SPK adalah baik dan memuaskan. Tiga peluang penambahbaikan dilaporkan bagi sesi audit kali ini manakala tiada laporan ketaakuran.



# TAKLIMAT PENCEGAHAN KEBAKARAN BANGUNAN

Oleh : Zaidi bin Saad



Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Bangunan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dengan kerjasama Pertubuhan Pencegah Kebakaran Kuala Lumpur (PPKKL) telah mengadakan satu Taklimat Pencegahan Kebakaran pada 21 April 2022 (Khamis) bertempat di Bilik Tayangan 2, PLH. Taklimat disampaikan oleh Cik Nurul Nabila Huda yang disertai oleh 67

orang staf PLH dan Penerbit Universiti dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya kebakaran serta menyebarkan pengetahuan berkaitan langkah-langkah pencegahan kebakaran. Peserta diberikan pendedahan dalam penggunaan dan pemilihan peralatan pencegahan kebakaran seperti alat pengesan asap dan alat pemadam api untuk keperluan di dalam kenderaan atau di

premis. Program ini secara umumnya telah berjaya mencapai objektif selaras dengan matlamat pelaksanaannya. Peserta memberikan maklum balas positif serta berharap semoga program sedemikian dapat dilaksanakan sekali setiap tahun bagi mengingatkan bahawa pentingnya ilmu dalam menghadapi situasi kritikal seperti kebakaran.



# TAKLIMAT ASAS PERTOLONGAN CEMAS

Oleh : Zaidi bin Saad



Taklimat “Asas Pertolongan Cemas di Tempat Kerja” yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Bangunan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dengan kerjasama Pejabat Keselamatan Pekerjaan dan Kelestarian Alam Sekitar (KPKA) telah diadakan pada 13 April 2022 bertempat di Bilik Tayangan 2, PLH oleh Encik Mohsin Bin Kamaruzaman, Penolong Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan UTeM.

Seramai 49 orang peserta taklimat telah diberi pendedahan mengenai teknik dan kaedah penggunaan peralatan menyelamatkan mengikut kesesuaian keadaan mangsa yang ditimpa kemalangan atau kecemasan semasa sesi demonstrasi dijalankan disamping mempraktikkan semua teori pertolongan cemas yang telah dipelajari. Peserta memperoleh manfaat pembelajaran dan meningkatkan kefahaman mengenai keselamatan di tempat kerja dan lapangan.



# 'HEALTH WALK' ERAT UKHUWAH DUA KELAB

Oleh : Rasida binti Abu Bakar



Aktiviti 'Health Walk' 2022 telah dianjurkan oleh Kelab Staf Perpustakaan Laman Hikmah (LISTAC) dan Kelab Ceria Penerbit (KECEPER) pada 26 Januari 2022 yang bermula jam 5.00 hingga 6.00 petang. Aktiviti riadah ini menyokong Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang bertujuan menjadikan rakyat Malaysia sihat sejahtera melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat. Encik Azman Hj. Ayup, Ketua

Pustakawan Perpustakaan Laman Hikmah memberikan sedikit ucapan kepada peserta supaya mengamalkan gaya hidup sihat dan menggalakkan aktiviti berjalan kaki. Selepas ucapan Ketua Pustakawan, aktiviti regangan dan memanaskan badan dipimpin oleh Encik Mohd Syahrizal Mohd Razali. Antara objektif utama program ini ialah merapatkan ukhwah ahli LISTAC dan KECEPER serta beriadah secara santai dengan melakukan aktiviti yang sihat.





Seramai 60 orang peserta Belia dan Sukan, UTeM. Peserta menyertai aktiviti berjalan kaki sejauh dua kilometer yang bermula di parkir Perpustakaan Laman Hikmah dan diakhiri di Parkir Tapak Pesta Konvokesyen. Turut juga diadakan aktiviti senamrobik yang dikelolakan oleh Encik Mohd Hadzren Redza Penolong Pegawai





# PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Oleh : Siti Syahirah binti Ab. Rahim

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menerima seorang pelajar latihan industri dari UiTM Kampus Puncak Perdana Shah Alam, Selangor yang bernama Siti Nur Nadhirah binti Jaafar. Pelajar ini mengambil Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat di Fakulti Pengurusan Maklumat. Beliau akan menjalani latihan industri selama 5 bulan bermula 1 Mac 2022 hingga 31 Julai 2022.

Tujuan latihan Industri adalah bagi

membolehkan pelajar mendapat pengalaman dan belajar tentang dunia pekerjaan sebenar. Ia juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk memahami ilmu baru, teknologi dan bidang lain yang berkaitan dengan bidang yang dipelajari. Di samping itu pelajar dapat belajar membuat keputusan dan menyelesaikan masalah apabila berada di dunia pekerjaan sebenar serta meningkatkan nilai etika profesional.

Pelajar menjalani latihan di 7 bahagian (13 seksyen) di PLH mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan PLH. Melalui kaedah ini, secara tidak langsung pelajar dapat memahami setiap fungsi dan tugas secara praktikalnya yang dilakukan di bahagian dan seksyen terlibat. Semoga pengisian dan ilmu yang dikongsi di PLH ini diaplikasikan pelajar di alam pekerjaan nanti.



# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAB STAF PERPUSTAKAAN (LISTAC) KALI KE-14

Oleh : Rasida binti Abu Bakar

Kelab Staf Perpustakaan atau LISTAC (Library Staff Club) telah ditubuhkan pada Ogos 2002. Objektif utama penubuhan LISTAC adalah bertujuan mengambil berat dan prihatin tentang kebajikan staf, memupuk persefahaman dan merapatkan silaturahim di kalangan staf. Antara aktiviti utama LISTAC yang diadakan ialah hari keluarga, kerohanian, sumbangan kebajikan kepada ahli dan kegiatan riadah serta sukan.

Pada 29 Mac 2022 telah berlangsung Mesyuarat Agung Tahunan LISTAC kali ke-14 di Bilik Tayangan, Perpustakaan Laman Hikmah dengan jayanya. Pemilihan ahli jawatankuasa LISTAC 2022/2024 telah melalui proses 'e-voting' untuk memilih 10 orang calon. Ahli LISTAC telah memilih Encik Muhammed Rashid Mat Derus sebagai Pengerusi baharu LISTAC, menggantikan Cik Rasida Abu Bakar. Manakala Jawatan Naib Pengerusi pula disandang oleh Encik Mahadir Che Ali.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Encik Azman Hj. Ayup, Ketua Pustakawan merangkap sebagai penaung LISTAC. Beliau berharap LISTAC dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan menjana kewangan kelab kerana dunia dalam fasa endemik. Majlis diakhiri dengan cabutan bertuah kepada ahli LISTAC.



## TERIMA KASIH

AJK LISTAC 2020/2022

- Rasida Abu Bakar
- Fauziah Hassan
- Mohd Mawardi Badruddin
- Zaidi Saad
- Suhadawati Ahmad
- Nurul Akmar Mehat
- Zulkarnaen Mahat
- Ahmad Abu Bakar
- Mohd Syahrizal Mohd Razali
- Nurul Atika Harudin

## TAHNNIAH

AJK LISTAC 2020/2022

- Muhammed Rashid Mat Derus
- Mahadir Che Ali
- Hasliza Mohamed
- Norshahila Che Din
- Norazizah Md Tahir
- Harulrizam Mohamed
- Mez Zelina Yusof
- Wizana Abd Jalil
- Nooraidillah Rasdi
- Noor Rahman Jamiah Jalil



# SEMARAK SADAQAH JUN 2022

Program Khidmat Masyarakat PLH iaitu 'Semarak Sadaqah Bertaut Ukhwah' merupakan aktiviti yang diadakan pada setiap tahun sempena Ramadan Al-Mubarak. Ia melibatkan staf PLH yang menghulurkan bantuan kepada keluarga yang terpilih. Program ini diadakan pada setiap tahun bermula dari tahun 2014 sehingga kini. Sumbangan barangan berupa keperluan asas seperti beras, minyak, susu dan lain-lain lagi dikumpul menerusi sumbangan daripada para dermawan. Terima kasih juga kepada sukarelawan PLH yang menjayakan penghantaran barangan penerima sumbangan. Semoga dengan adanya program ini dapat meringankan sedikit sebanyak bebanan yang ditanggung oleh penerima-penerima sumbangan serta dapat menjalinkan ukhwah sesama insan. Semoga segala usaha dan amal bakti ini akan diberkati Allah SWT.



# KONVOI PERSISIR PANTAI

Oleh : Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali  
Mohd Siddiq Azizi bin Jais

Buat julung kalinya Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) mengadakan program Jelajah yang bertemakan 'Ride Santai Janji Sampai' bermula di PLH UTeM pada 29 Januari 2022 sebelum menjelajah ke 12 negeri merangkumi selatan, timur, utara dan kembali ke Melaka pada 4 Februari 2022. Seramai 5 orang staf PLH telah menyertai program ini yang melibatkan aktiviti persinggahan di lebih 15 lokasi yang melibatkan tunggangan motosikal sejauh 2,626 kilometer selama tujuh hari.

Program ini bertujuan memupuk ukhuwah serta silaturahim dan ianya sebahagian daripada usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) selaku duta kecil sebagai mempromosi PLH dan UTeM.

Inisiatif ini bermula dari cetusan idea oleh 5 orang staf di PLH sebagai sekumpulan kecil pemilik motosikal yang berkongsi minat menunggang motosikal sambil beriadah sesama rakan. Mencabar diri melakukan kelainan terhadap usaha bagi matlamat yang baik serta menambah pengalaman diri.

Walaupun terdapat pelbagai cabaran untuk menjayakan acara ini, namun tidak menghalang program ini di jadikan satu pencapaian diri staf serta nama PLH dalam menjalankan aktiviti bermotor berkumpulan yang tidak memerlukan 'marshall' yang mengurus serta merancang perjalanan berjadual.

Aktiviti ini bukan hanya melakukan penjelajahan sahaja, sebenarnya program tujuh hari enam malam itu dipenuhi dengan pelbagai aktiviti termasuk melawat tempat menarik seperti di Tanjung Piai Johor, Stadium Sultan Ibrahim, Batu Layar, Desaru, Pantai Kemasik, Terengganu, Jambatan Angkat Terengganu, Pantai Penarik Terengganu, Masjid Masjid Lapan Kubah Jerneh, Terengganu, Pantai Tok Bali Kelantan, Rantau Panjang, Kelantan, Banjaran Titiwangsa, Tasik Banding, Padang Besar, Perlis, Wang Kelian, Perlis, Timah Tasoh Kangar Perlis, Balik Pulau, Penang, Batu Feringgi, Lebuhraya tertinggi Malaysia Paya Terubong, Georgetown Penang, Bayan Lepas, Gemas Road, Penang, Masjid Ubudiah Kuala Kangsar, Muzium Diraja Kuala Kangsar, Gopeng Perak,





Kuala Selangor, Port Dickson serta beberapa tempat menarik yang lain. Peserta juga berpeluang singgah di beberapa masjid dan surau bagi menyerahkan sumbangan wang tunai yang disumbangkan oleh warga PLH sebagai aktiviti agihan kebajikan.



Kerjasama dalam berkumpul dititik beratkan dengan beberapa penekanan seperti persiapan diri dengan kesihatan yang baik, disiplin dalam mengatur masa, tumpuan pada jadual perjalanan yang disediakan serta mematuhi peraturan jalan raya dan lalu lintas.



Sesungguhnya aktiviti ini menjadi tanda mula kepada penganjuran seterusnya. Matlamatnya agar di masa hadapan dapat bergerak dengan lebih sistematik, sama ada dari segi pengurusan, sokongan atau perancangan serta pelaksanaan aktiviti.





# BANTUAN KUTIPAN INFAK KEPADA STAF PLH

Oleh : Wizana binti Abdul Jalil

20  
22



## SUMBANGAN KEPADA AHLI LISTAC

Umat Islam amat digalakkan bersedekah bagi meningkatkan keimanan seseorang yang bergelar Muslim. Sedekah ialah pemberian yang dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Bagi meringankan beban ahli LISTAC yang ditimpa musibah, PLH telah mengambil inisiatif mewujudkan tabung di setiap bahagian sebagai galakan kepada ahli agar bersedekah.





Bermula Mac 2022, tabung sedekah ini telah diuruskan oleh Biro Kebajikan & Kerohanian LISTAC dalam menyalurkan kutipan kepada ahli yang terkesan. Antara musibah yang diambilkira adalah seperti dijangkiti penyakit Covid-19, kematian ahli keluarga terdekat, kemalangan dan seumpamanya.

Berikut adalah senarai nama penerima sumbangan hasil kutipan sedekah yang diterima bagi tempoh Mac 2022 hingga Jun 2022.

1. Ahmad Tarmizi bin Abdul Hadi
2. Siti Saluwa binti Jamal
3. Fauziah binti Hassan
4. Norfazlin binti Tambi Chek
5. Wizana binti Jalil
6. Mez Zelina binti Yusof
7. Ahmad bin Abu Bakar





TRAINING ROOM



SEMINAR ROOM



VIEWING ROOM

SERVIS



LOCKER



ONE STOP CENTRE



SELF SERVICE MACHINES

# Facilities @ PLH



Pemulangan Buku Book Drop

BOOK DROP MACHINE



GAME ZONE



GRADUATE ROOM



CARREL ROOM



READING AREA

**Perpustakaan Laman Hikmah  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya, 76100  
Durian Tunggal, Melaka.**

**Phone: +6062701200**

**Fax: +6062701039**

**Email: [lamanhikmah@utem.edu.my](mailto:lamanhikmah@utem.edu.my)**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA